

Insurans Kereta Sewaan Persendirian (e-Hailing) Lembaran Maklumat

1. Apakah itu insurans e-Hailing?

Insurans ini adalah sejenis insurans tambahan yang memberikan perlindungan daripada kerugian atau kerosakan pada kereta anda sendiri, liabiliti terhadap pihak ketiga, liabiliti dari segi undang-undang terhadap penumpang yang membayar tambang, liabiliti penumpang yang membayar tambang di sisi undang-undang kerana kecuaiian dan perlindungan kemalangan peribadi bagi pemandu semasa menjalankan perkhidmatan e-Hailing.

2. Mengapakah saya memerlukan insurans e-Hailing?

Insurans e-Hailing meluaskan perlindungan kepada perkhidmatan e-Hailing, yang tidak dilindungi di bawah polisi komprehensif kereta persendirian anda. Pemandu e-Hailing berlesen juga diwajibkan di bawah undang-undang untuk mendapatkan insurans e-Hailing.

3. Apakah produk yang menyediakan perlindungan insurans e-Hailing?

Jika anda sudah mempunyai polisi komprehensif kereta persendirian dengan kami, anda boleh melanggan perlindungan insurans e-Hailing ini dengan membeli endorsmen Kereta Sewaan Persendirian ini.

4. Apakah maklumat di bawah Endorsmen Kereta Sewaan Persendirian?

Jenis		Kereta Sewaan Persendirian
Tempoh Perlindungan		1 tahun bergantung kepada tempoh insurans polisi motor
Premium		RM1,350 (tidak termasuk cukai perkhidmatan)
Kaedah pembayaran		Premium tahunan
Pembelian pertengahan tempoh		Premium prorata
Pembatalan		Pulangan prorata
Pengendali dilindungi		Semua pengendali e-Hailing
Perlindungan	Kerugian atau Kerosakan pada Kereta Anda Sendiri	Kerosakan akibat kemalangan, kebakaran, kecurian dan tindakan yang berniat jahat apabila kereta sedang digunakan bagi e-hailing
	Liabiliti terhadap Pihak Ketiga	Perlindungan untuk liabiliti akibat daripada kecederaan badan atau kerosakan harta benda bagi pihak ketiga
	Liabiliti dari segi undang-undang terhadap Penumpang yang Membayar Tambang	Perlindungan untuk liabiliti akibat daripada kecederaan badan atau kerosakan harta benda bagi penumpang yang membayar tambang
	Liabiliti Penumpang yang Membayar Tambang Di Sisi Undang-Undang kerana Kecuaian	Perlindungan untuk liabiliti terhadap pihak ketiga akibat daripada kecederaan badan atau kerosakan harta benda yang disebabkan oleh penumpang yang membayar tambang kereta anda
	Perlindungan Kemalangan Peribadi bagi Pemandu e-Hailing	Pampasan sehingga RM25,000 untuk kecederaan badan

Liberty General Insurance Berhad 197801007153 (44191-P)

Liberty Insurance Tower, CT9, Pavilion Damansara Heights, 3, Jalan Damanlela, Pusat Bandar Damansara, 50490 Kuala Lumpur.
Peti Surat 11228, GPO Kuala Lumpur, 50740 Kuala Lumpur.

(No. Daftar Cukai Perkhidmatan: B16-1808-31015443)

Liberty General Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).



1 300 88 8990



customer@libertyinsurance.com.my



www.libertyinsurance.com.my

5. Bagaimana saya membeli insurans e-Hailing?

Sila rujuk kepada cawangan atau perantara kami untuk endorsmen ini.

6. Apakah yang patut saya ketahui apabila membuat tuntutan?

- Hubungi kami menerusi talian terus tuntutan di 1 300 88 8990 untuk mendapatkan bantuan tuntutan; atau
- Cari bengkel panel kami menerusi laman web kami di www.libertyinsurance.com.my

7. Dimanakah saya boleh mendapatkan maklumat yang lebih lanjut?

Jika anda mempunyai apa-apa pertanyaan, sila rujuk kepada cawangan dan perantara kami, atau hubungi kami di:

Talian bebas tol: 1 300 88 8990 E-mel: customer@libertyinsurance.com.my

Laman web: www.libertyinsurance.com.my

NOTA PENTING: ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS SEBELUM ANDA MEMBELI PERLINDUNGAN INSURANS E-HAILING INI.

Maklumat yang diberikan dalam lembaran maklumat ini adalah sah pada 01 Mac 2026.